

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan penggunaan gelang pengawasan elektronik bagi orang dari luar negara yang dikuarantin di rumah dan apakah kaedah-kaedah yang digunakan untuk mencegah varian COVID-19 baru seperti varian Lambda dibawa masuk oleh orang luar di pintu masuk negara tanpa dikuarantin di pusat kuarantin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Gelang peranti pengawasan digital adalah satu peranti digital yang digunakan untuk memantau individu yang dikuarantin di rumah atau tempat kediaman termasuk para pengembara dari luar negara yang baru tiba di Malaysia dan boleh mengesan pergerakan *Person under surveillance* (PUS) secara *geofencing* dalam radius 10 meter dari PUS. Jika berlaku pelanggaran, maklumat akan diterima _____ di Pusat Kawalan Arahan (*Command Control Centre - CCC*). Petugas di CCC akan menjalankan verifikasi dan jika berlaku perlanggaran, petugas CCC akan memaklumkan petugas di CPRC dan seterusnya memaklumkan Pejabat Kesihatan Daerah untuk membuat semakan. Jika gagal mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 22 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan sekiranya disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 24 Akta 342.
2. Sejak bermulanya pandemik COVID-19 pada 10 Mac 2020, KKM telah memperketatkan kawalan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Negara. Di bawah polisi ini, semua pengembara yang tiba _____ di PMA diarah untuk menjalani kuarantin wajib di stesen kuarantin. Tindakan ini telah berjaya menekang penularan COVID-19 termasuk varian-varian baru dari dibawa masuk ke negara ini. Namun, pada 11 Mei 2021, Institut Penyelidikan Perubatan (*Institute Medical Research – IMR*) telah dapat mengesan dan melaporkan kes positif varian Delta dalam kalangan pengembara yang tiba _____ di Malaysia pada 7 April 2021.
3. KKM terus mempertingkatkan kawalan di PMA bagi mencegah kemasukan varian baru seperti varian Lambda. Pengembara antarabangsa yang tiba di PMA diwajibkan untuk menjalani ujian pengesanan jangkitan COVID-19, RT PCR sebanyak tiga (3) kali iaitu dalam tempoh tiga (3) hari sebelum ketibaan di PMA, semasa ketibaan dan hari ke-10 tempoh kuarantin. Selain itu tempoh kuarantin wajib telah

SOALAN NO. 55

dipanjangkan kepada 14 hari dan penilaian risiko dijalankan pada hari ke-14. Jika masih ada risiko untuk jangkitan, tempoh masa kuarantin akan ditambah selama 7 hari lagi, menjadikan jumlah tempoh kuarantin adalah 21 hari.

4. Susulan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 8 Ogos 2021, yang membenarkan individu yang telah menerima dos lengkap vaksin COVID-19 untuk menjalani kuarantin wajib di rumah atau di tempat kediaman berkuatkuasa 10 Ogos 2021, KKM telah meneliti prosedur kuarantin ini. Hingga kini, KKM telah meluluskan **4,005** pengembara yang telah memenuhi syarat-syarat serta mempunyai rumah yang sesuai untuk kuarantin di rumah atau tempat kediaman sendiri. Bagi pengembara yang diluluskan untuk kuarantin di rumah, mereka dimaklumkan untuk mematuhi sepenuhnya SOP kuarantin di rumah. Tindakan awal oleh petugas kesihatan untuk mengeluarkan kompaun kepada PUS yang gagal mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalam seksyen 22 Akta 342 diharapkan agar dapat mengurangkan penularan penyakit COVID-19 kepada ahli keluarga dan komuniti.

Sekian, terima kasih.